



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan '**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARIKH, MASA TAKLIMAT & TEMPAT LAWATAN TAPAK	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	KERJA-KERJA MENAIKTARAF LAMPU ISYARAT SEDIAADA KEPADA SMART TRAFFIC LIGHT (AI) DI LALUAN MUARA SELATAN, MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU. (MBKT T 26 /2025)	23/1/2025 (Khamis) 10.00 pagi Di Tingkat 6, Menara MBKT, Kuala Terengganu (DIWAJIBKAN)	Gred : G4/G5/G6/G7 Kategori : ME Pengkhususan : E04, E11, E16 Dan E17	RM100.00

- Naskah Meja Tawaran** boleh disemak di **Tingkat 18, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**, pada waktu pejabat bermula **28 Januari 2025 (SELASA)**
- Dokumen Tender boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**.
- Lawatan Tapak adalah diwajibkan** dan hanya kontraktor ataupun penama-penama yang tercatat di dalam sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dibenarkan berdaftar semasa sesi lawatan/ taklimat tapak dan dibenarkan membeli Dokumen Tawaran
- Naskah Dokumen Tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Tender. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor dan berdaftar semasa taklimat sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen tawaran Tender.**
- Dokumen Tawaran akan dijual mulai pada hari **SELASA 28 JANUARI 2025** hingga **ISNIN 17 FEBRUARI 2025** yang boleh dibuat secara Deraf Bank / Money Order yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

- Tawaran tender ini akan ditutup pada hari SELASA, 18 FEBRUARI 2025.** Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Tender**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Tingkat 18, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum jam **12.00** tengah hari pada tarikh tutup tawaran.
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.
- Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis adalah Muktamad. Sebarang Rayuan atau surat menyurat adalah tidak dilayan.
- Petender yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku Tender tamat akan disyorkan untuk diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t
(DATO' HAJI ROSLI BIN LATIF)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu